



SKPM G2 yang akan dilaksanakan di seluruh negara bermula pada 1 Januari 2017 berkemampuan untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan negara.
- Gambar hiasan



PELAKSANAAN SKPM G2 membantu pihak KPM memantau PdP dan Kemenjadian Murid dengan lebih efisien. - Gambar hiasan

Oleh AMEEN AZIZUL AZIZ

SKPM G2 mampu pertingkatkan kualiti pendidikan negara

PUTRAJAYA - Pengenalan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPM G2) yang bermula tahun hadapan dilihat mampu membantu mempertingkatkan kualiti pendidikan di negara ini selain menjadikan keseluruhan sistem lebih bersepadu dan teratur.

Diwujudkan sebagai satu instrumen untuk memperkuatkan lagi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, SKPM Gelombang 1 (SKPM G1) yang diperkenalkan pada 2001 telah melalui tiga peringkat.

Menurut Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Pembangunan Profesionalisme Keguruan), Datuk Dr. Amin Senin, SKPM G2 yang bakal dilaksanakan itu lebih menyeluruh dan akan digunakan dalam semua peringkat institusi pendidikan di negara ini.

"Berdasarkan kajian rapi yang telah dijalankan dalam usaha untuk menaik taraf kualiti pendidikan dalam negara, SKPM G2 juga boleh dilaksanakan di mana-mana peringkat termasuk Kementerian, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) serta Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) dan tidak hanya fokus pada peringkat sekolah.

"Dalam institusi persekolahan, kita tidak boleh hanya tertumpu pada satu aspek sahaja seperti contohnya hanya fokus dalam aspek peperiksaan.

"Jadi melalui SKPM G2 ini, ia mampu menjadi alat untuk pihak kementerian mempertingkatkan kualiti sekolah seluruh negara secara lebih menyeluruh termasuklah dari aspek kepimpinan, pengurusan organisasi ataupun pengurusan program sekolah sendiri.

"Aspek lain seperti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) serta Kemenjadian Murid juga dapat dipantau dengan lebih efisien dalam memberi penekanan terhadap keseluruhan sistem pendidikan di sekolah," katanya pada sesi taklimat media berkenaan SKPM G2 di sini baru-baru ini.

Turut hadir ialah Ketua Nazir Sekolah, Aminudin Adam dan Ketua Pusat Pentaksiran Institut Aminuddin Baki, Nor Asiah Ibrahim.

Mengulas lanjut, Amin memberitahu, SKPM G2 yang akan dilaksanakan di seluruh negara bermula pada 1 Januari 2017 berkemampuan untuk membantu memberi penekanan kepada peningkatan seluruh sistem pendidikan di sekolah, sekali gus mempertingkatkan kualiti pendidikan negara.

"Hasil daripada pengenalan SKPM G2



AMIN (tengah) bersama Aminudin (kiri) dan Nor Asiah menunjukkan buku *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia* pada sesi taklimat media berkenaan SKPM G2 di Putrajaya baru-baru ini.

ini, keseluruhan aspek dalam sistem pendidikan negara dapat dipantau.

"SKPM G2 juga dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan sekolah-sekolah kerana ia mengandungi set standard tindakan yang perlu dilaksanakan dan dicapai oleh barisan pemimpin serta warga sekolah khususnya dalam aspek pengurusan dan penyampaian pendidikan," ujarnya.

Amin berkata, penambahbaikan berkenaan akan dilaksanakan pada sekolah-sekolah yang telah dikenal pasti melalui penarafan sendiri yang dilaksanakan oleh pihak sekolah sendiri.

"Jika sekolah berkenaan dikenal pasti mempunyai kelemahan, secara sertaina proses penambahbaikan akan dijalankan oleh pihak PPD, JPN dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sendiri dalam usaha untuk mencapai objektif utama PPPM iaitu sifar sekolah bertaraf Band Enam mahupun Band Tujuh menjelang 2025," katanya.

Selain menjadi panduan buat sekolah

untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan masing-masing, SKPM G2 juga akan menjadi instrumen utama pemeriksaan Jemaah Nazir selain menjadi penentu kepada pemberian anugerah tertentu seperti Anugerah Kualiti Menteri Pendidikan mahupun pemilihan Sekolah Berprestasi Tinggi dan Sekolah Kluster.

Amin menambah, banyak perkara positif yang dapat dimanfaatkan melalui pelaksanaan SKPM jika mana-mana sekolah di negara ini mengambil serius dan bersungguh-sungguh melaksanakan program tersebut.

"Pelaksanaan SKPM yang membolehkan perubahan berlaku jika ia dijadikan amalan dan dibudayakan mengikut jadual yang telah ditetapkan kementerian.

"Mengenai penjadualan SKPM G2 pula, pihak sekolah perlu mengikut penjadualan program tersebut mengikut tarikh-tarikh yang akan dikeluarkan bagi memudahkan pihak KPM memantau prestasi sekolah masing-masing mengikut kawasan seliaan tertentu," jelasnya.

INFO Kandungan SKPM

Standard 1: Kepemimpinan

- Pengetua/ Guru Besar (PGB) berperanan sebagai pemimpin berimpak tinggi yang berupaya menggembleng dan menggerakkan warga sekolah secara bersepadu untuk memajukan sekolah dan meningkatkan kualiti PdP

Standard 2: Pengurusan Organisasi

- Organisasi sekolah diurus secara cekap dengan mengambil kira potensi dan keperluan warga sekolah, kemudahan sumber dalaman dan luaran untuk meningkatkan keberkesanan pengoperasian sekolah.

Standard 3: Pengurusan Kurikulum, Kokurikulum dan HEM

- Bidang kurikulum, kokurikulum dan hal ehwal murid diurus secara cekap dan berkesan untuk melahirkan murid yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani, dan sosial selaras dengan hala tuju sekolah

Standard 4: Pembelajaran dan Pemudahcaraan

- Guru berperanan sebagai pemudah cara dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan untuk memperkembangkan potensi murid secara menyeluruh dan pencapaian murid pada tahap optimum secara berterusan.

Standard 5: Kemenjadian Murid

- Murid yang dididik secara holistik dalam pengurusan sekolah yang cekap berupaya mencapai potensi diri yang sepenuhnya dalam penguasaan pengetahuan dan kemahiran, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri